

18/02/2003

Kemas kini persiapan: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu segala persiapan untuk Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali Ke-13 (NAM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, dikemaskinikan bagi menjamin kejayaan penganjurannya

Perdana Menteri berkata, pegawai dan kakitangan yang ditugaskan untuk menjayakan sidang itu juga perlu mengadakan lebih banyak lagi latihan.

"Ada sikit-sikit lagi yang kena dikemaskan dan saya sudah buat komen. Saya fikir umumnya tertib tetapi mereka perlu buat lebih banyak latihan," katanya selepas menyertai raptai penuh acara sambutan untuk NAM di sini semalam.

Dr Mahathir meluangkan masa lebih dua jam menyertai raptai acara perasmian sidang itu yang akan diadakan Isnin depan. Inilah kali kedua, beliau meninjau persiapan NAM setelah berbuat demikian 6 Februari lalu.

Beliau dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba tepat pada jam 8.30 pagi bagi upacara raptai itu dan terus diiring ke bilik khas sebagai ruang menunggu bagi ketua kerajaan atau negara NAM di tingkat empat PWTC.

Di satu sudut di pintu masuk bilik itu, Dr Mahathir menyambut 114 'pemimpin' NAM yang diwakili pegawai Wisma Putra selang dua minit setiap seorang dan berjabat tangan sebelum pegawai itu masuk ke ruang menunggu.

Selepas peringkat ketibaan dan sambutan selama 90 minit itu yang turut diserikan sekumpulan gadis berpakaian tradisional memegang sirih junjung dan bunga telur, Dr Mahathir dan 'pemimpin' berkenaan diiringi ke Dewan Merdeka, tempat berlangsungnya upacara perasmian nanti.

Di situ, Perdana Menteri selaku Pengerusi NAM yang baru turut 'berucap' selepas ucapan Pengerusi NAM, Thabo Mbeki sekarang yang akan menyerahkan tugas itu kepada Dr Mahathir.

Persembahan kumpulan koir dan rakaman lagu tema NAM bertajuk "NAM Shall Lead the Way" yang dicipta Datuk Ahmad Nawab dan dinyanyikan penyanyi pop sepanjang zaman, Khatijah Ibrahim turut diperdengarkan.

"Semuanya berjalan lancar seperti dijadualkan, tepat pada masa," kata Dr Mahathir pada sidang akhbar itu. Beliau merujuk waktu ketibaan 'pemimpin' NAM yang sebelum itu dibawa dengan kereta khas dari pelbagai hotel di sekitar ibu negara. Beberapa jalan yang menjadi laluan delegasi NAM ditutup mulai jam 8 pagi hingga 9.30 pagi.

Mengenai sama ada beliau berpuas hati dengan pergerakan kereta untuk membawa pemimpin NAM nanti, Dr Mahathir berkata, mereka tiba tepat pada waktunya.

"Saya tak tengok motorcade (pergerakan kereta secara konvoi) di luar yang ada 114 kereta membawa ketua-ketua negara/kerajaan masuk. Mereka tiba tepat pada masanya dan kita habis tepat seperti mengikut jadual," katanya.

Hadir sama Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Timbalannya, Datuk Dr Leo Michael Toyad dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad